

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 8 BILANGAN 3

RABU 6 FEBRUARY 1963 (11 RAMADHAN 1382).

PERCHUMA

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN MELAWAT MALAYA

Hampir 4,000 Orang Menyaksikan Baginda Bertitah Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah dalam satu majlis perjumpaan di-Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 31 January, 1963 dan di-hadhiri oleh kira2 4,000 orang bahawa Baginda bershukor kepada Allah kerana dapat berjumpa dengan ra'ayat Baginda yang di-kasehi sekalian dalam keadaan yang telah "kita dapat sama2 rasai sesudah kita dalam masa yang tidak berapa lama yang lalu itu berada di-dalam keadaan mala-petaka dan kesengsaraan yang di-sebabkan oleh penderhakaan yang sia2 dan di-kutok oleh Allah itu."

Turut hadir di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Haji Mohamed Hashim, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam, Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Sir Dennis White, Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohamed, Kerabat2 Diraja Brunei, Pegawai2 Kerajaan, Ketua2 Kaum, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan lain2-nya.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah tiba di-majlis tersebut yang telah di-adakan berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei pun tiba. Kemudian Yang Teramat Mulia Duli Yang Maha Maulana Al-Seri Paduka Duli Pengiran Sultan tiba tepat pada pukul 10

pagi dan di-sambut oleh Pegawai2 Kerajaan yang berkenaan dan Baginda terus naik ka-atas pentas. Pada masa Baginda tiba Panji2 Peribadi Baginda pun dinaikkan ka-kemonchak tiang oleh sa-orang anggota Pasokan Keselamatan.

Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah melafadzkan ucapan bagi pehak Pegawai2 Kerajaan dan ra'ayat Brunei dan Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib telah berucap bagi pehak Kaum2 Melayu, China dan India yang tinggal di-sini.


Dalam titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Baginda berkata, "Ra'ayat beta yang di-kasehi, mari-lah kita sekalian menadah tangan ka-langit bersama2 kerana memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga kita sekalian sentiasa di-dalam perlindungan dan mudah2an Allah Subhanahu Wata'ala akan sen-

(Lihat Muka 5)

**Y. T. M. DULI
PENGIRAN
PEMANCHA
MENJADI
PEMANGKU
RAJA**

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibnu Almerhom Duli Pengiran Bendahara anak Abdul Rahman telah di-lantek menjadi Pemangku Raja pada masa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin berada di-luar negeri.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan serta Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan beberapa orang Kerabat Diraja Brunei telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang hari Khamis yang lalu.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini pada masa Baginda berchemar Duli ka Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei untuk menunaikan fardhu sembahyang Juma'at tidak berapa lama dahulu. Baginda juga telah berkhotbah di-upacara sembahyang Juma'at itu. Gambar kanan kelihatan ketibaan Baginda di-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan gambar kiri di-ambil pada masa Duli Yang Maha Mulia hendak berangkat halek ka-Istana Darul Hana sa-lepas menunaikan fardhu sembahyang Juma'at. Ramai kaum Muslimin telah menjorahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Mesjid serta juga di-pekerangan Mesjid itu.

Duli Yang Maha Mulia Melawat Ka-Daerah2 Tutong Dan Belait

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah melawat ka-Tutong dan ka-Kuala Belait pada 26 January yang lalu.

Baginda telah di-iringi oleh Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Setia Usaha Kerajaan Brunei yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Kira2 1,000 orang telah hadir di-Pekan Tutong berhadapan bangunan Pejabat Daerah dengan mengangkat chogan2 kata menchela Azahari dan penderhaka2 yang lain.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sambut oleh pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar pada masa Baginda tiba di-Tutong.

Inche Ali telah mengalu2kan ketibaan Baginda dan rombongan serta menyebarkan ucapan ikrar ta'at setia bagi pehak pegawai2 Kerajaan di-Daerah Tutong kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Uchapan2 mengutok penderhakaan serta ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia telah di-lafadzkan bagi pehak penduduk2 Daerah Tutong oleh Penjurat Haji Abu Bakar; bagi pehak Kaum China di-Daerah Tutong oleh Inche Chong Seng Toh; oleh Yang Dipertua Per-

tubohan Kebangsaan Brunei Inche Abdul Manan bin Mohamed dan oleh Yang Dipertua Party Peritatan Brunei Tuan Haji Ghazali bin Umar.

Dalam titah Duli Yang Maha Mulia di-majlis perjumpaan tersebut, Baginda telah menyampaikan perasaan gembira kerana dapat bertemu dengan ra'ayat Baginda dan berduka-cita pula kerana berlaku — nya penderhakaan yang menyebabkan banyak di-antara penduduk2 di-Daerah Tutong telah sengsara.

Sa-lepas menghadiri majlis perjumpaan penduduk2 di-Daerah Tutong, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan pun berangkat ka-Kuala Belait.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sambut ketika tiba di-Kuala Belait oleh Pegawai Daerah

Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Kemudian Baginda telah diperkenalkan kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Darurat Daerah Belait serta pemimpin2 kaum2 di-daerah itu.

Duli Yang Maha Mulia telah memberi satu titah yang berharga di-majlis tersebut.

Uchapan2 ta'at setia telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail bagi pehak pegawai2 Kerajaan di-Daerah Belait dan oleh Tuan Haji Marusin bin Abdullah bagi pehak penduduk Daerah Belait.

Baginda telah santap di-Rumah pegawai Daerah Belait sa-belum balek ka-Istana Darul Hana.

107 Orang Tahanan Di-Bebaskan

BERAKAS. — Seramai 107 orang tahanan yang telah di-kurong dalam khemah2 pertahanan di-Berakas dan di-Seria berikutan dengan penderhakaan yang telah meletus dalam bulan Desember 1962 telah di-bebaskan pada 29 January, 1963.

Orang2 tahanan itu ada-lah mengandungi 69 orang di-Berakas dan 38 orang di-Seria.

Sa-orang tua Melayu bernama Nudin bin Pilok, berumur 71 tahun dan sa-orang penuntut bernama Untog bin Haji Kadir berumur 15 tahun ia-lah di-antara orang2 tahanan yang telah di-bebaskan dari Khemah pertahanan di-Berakas.

Menurut keterangan sa-orang daripada orang2 tahanan di-bebaskan yang telah di-bebaskan bahawa semasa dalam tahanan, orang2 tahanan itu telah menerima layanan dan di-jagai dengan baik pada tiap2 hari oleh Pegawai2 yang bertugas di-khemah pertahanan itu.

Sa-jurus sa-belum orang2 tahanan di-Berakas itu di-bebaskan pada petang 29 January yang lalu, orang2 tahanan itu telah mengangkat sumpah ta'at sat'a kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda.

Mereka telah bera'zan akan bekerjasama dengan pehak Kerajaan untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri ini.

Dalam satu majlis yang telah di-adakan di-Berakas pada petang hari tersebut, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim

telah menasehatkan orang2 tahanan yang telah di-bebaskan tu supaya mereka menta'ati ajaran2 ugama Islam dan memelihara undang2 serta keamanan Negeri Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan lagi bahawa Kerajaan Brunei akan menjalankan kuasa sa-adil2-nya menurut sisi undang2.

Beliau berkata pula bahawa beliau berasa gembira melihat orang2 tahanan yang di-bebaskan itu balek kepada keluarga masing2 yang sentiasa berdoa atas keselamatan mereka dan meminta mereka supaya sabar.

Upacara mengangkat sumpah di-khemah pertahanan Berakas itu telah di-kendalikan oleh Pemangkan Pemereksa Sekolah2 Ugama Negeri Brunei Tuan Haji Abdul Rahman bin Mahmud.

Kadhi Daerah Belait Abang Razali telah menjalankan tugas diupacara mengangkat sumpah di-khemah pertahanan di-Seria.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah memberi ucapan2 bagi pehak Kerajaan di-upacara mengangkat sumpah orang2 tahanan yang di-bebaskan di-Seria, dalam mana beliau telah memberi nasehat2 yang berfaedah terhadap mereka itu

Bekas Orang Tahanan Di-Jumpai Mati

TUTONG. — Sa-orang Dayak bernama Tingka anak Kausau, sa-orang bekas orang tahanan yang telah di-bebaskan dari khemah pertahanan di-Berakas pada petang 29 January, 1963 telah di-jumpai mati di-Sungai Tutong pada hari Jumaat yang lalu.

Tingka telah bekerja sa-bagai buruh di-sabuah kilang papan di-Tutong.

Ayah-nya telah melawat-nya sa-hari sa-lepas ia di-bebaskan dan sa-kali lagi pada hari Khamis yang lalu.

Apabila ayah-nya telah tidak melihat Tingka di-rumah-nya pada hari Khamis tersebut pehak Polis pun telah di-beri tahu berhubung dengan kehilangan Tingka.

Kemudian Pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar serta sa-rombongan anggota2 Polis di-ketuai oleh Inspektor Awangku Hamzad bin Pengiran Haji Ismail telah pergi ka-kilang papan tersebut untuk menyiasat.

Tidak berapa lama kemudian mereka telah menjumpai badan Tingka terapong2 di-Sungai Tutong.

Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan2 berhubung dengan kejadian tersebut.

Party Perjuangan Ra'ayat Ikrar Ta'at Setia Kapada Baginda

KAMPONG PENGIRAN PEMANCHA LAMA. — Party Perjuangan Ra'ayat Brunei berikrar ta'at setia Kawabah I Yang Mulia Setia Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dan akan sentiasa menyokong segala ranchangan Kerajaan Baginda.

Ini-lah di-antara perkara2 yang telah di-luluskan dalam Meshuarat Agong Party Perjuangan Ra'ayat Brunei yang telah di-adakan di-Kampung Pengiran Pemancha Lama, Kampong Ayer pada hari Jumaat 1 February, 1963.

Pegawai2 baru pertubohan tersebut yang telah di-lantek dalam meshuarat itu ia-lah seperti di-bawah ini.

Yang Dipertua Agong — Inche A. Arshad Marsal. Timbalan Yang Dipertua Agong — Inche Mokhtar bin Mohamed Salleh. Bendahari Agong — Awang Ya'akob bin Awang Zainal. Ketua Jabatan Penerangan — Awang Salleh bin Pehin Penyurat Awang Matseruddin dan Ketua Jabatan Pemuda — Inche Abdul Rahman bin Ismail.

Pasokan Keselamatan Menyelamatkan Keluarga Iban Di-Temburong

BANGAR. — Sa-pasokan "Royal Marine Commando 42" yang sedang bergerak di-hutan2 di-Daerah Temburong telah membawa keluar 17 keluarga Iban selepas mereka berjalan 8 hari dari rumah panjang mereka di-Kampung Sumbiling dan Kampung Duri dalam sa-buah kawasan hutan yang hampir2 tidak dapat di-tembusi kerana mengelakkan diri daripada gangguan puak penderhaka.

Demikian di-terangkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Darurat Daerah Temburong, Inche Matnoor Macafee kepada sa-orang pemberita Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei yang telah melawat ka-Bangar pada 15 January yang lalu.

Inche Matnoor berkata bahawa keluarga2 Iban tersebut telah memutuskan untuk meninggalkan rumah panjang mereka selepas puak penderhaka pergi rumah panjang itu untuk menchari makanan.

Keluarga tersebut telah merempoh hutan tebal dengan menjaohi jurong2 hutan supaya tidak bertemu dengan puak penderhaka2.

Sa-lepas 8 hari berjalan, mereka telah tiba di-Kampung Madak di-mana sa-pasokan perunda Royal Marine sedang bergerak menchari puak penderhaka2.

Keluarga tersebut telah bertemu dengan pasokan perunda itu semasa dalam keadaan leteh lesu sa-lepas mengembara dengan tidak makan hampir2 disapanjang jalan.

Lebeh lanjut Inche Matnoor berkata bahawa keluarga Iban hidup dengan memakan puchok2 dan akar2 kayu sa-lepas bekalan makanan mereka habis pada hari ketiga mereka meninggalkan kampung.

Orang2 Iban ini yang memang mashhor tentang kepandaian mereka memandu dan mengira jarak jauh, berfikir bahawa mereka boleh sampai ka-Kampung Madak pada hari ketiga. Akan tetapi oleh sebab hutan terlalu tebal, mereka telah kehilangan panduan dan merayau berkeliling di-antara kampung2 mereka dan pasokan perunda tersebut sa-jauh lebeh kurang 6 batu mengikut jalan lurus.

Keluarga tersebut telah dibawa terus ka-Pekan Bangar oleh pasokan perunda dan sampai di-sana dengan selamat. Mereka sekarang sedang di-beri tempat tinggal dan di-beri bantuan di-bawah ranchangan bantuan Kerajaan.

Sa-orang wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei yang pergi menemui keluarga itu pada tengah hari 14 January telah mendapat faham bahawa keluarga itu telah kehilangan kebanyakan daripada orang2 lelaki-nya.

Beberapa orang daripada-nya telah menyerah diri kepada pa-

nyai dua orang anak juga telah kehilangan suami-nya. Orang itu di-katakan telah hilang dari rumah panjang-nya dan gerak-geri-nya sekarang maseh belum lagi di-ketahui.

Orang2 tersebut ia-lah kebanyakan perempuan dan kanak2 belaka serta sedikit sahaja orang2 tua lelaki. Mereka berasa riang dan gembira sa-lepas mendapat bantuan.

Pemuehan dan penempatan semula orang2 Iban itu di-jalankan di-bawah ranchangan penempatan semula Kerajaan Brunei.

Buat sementara, mereka ditempatkan dalam dua buah bangunan yang sederhana besarnya berhampiran dengan Pejabat Pegawai Daerah Temburong.

Mereka sedang hidup dengan tidak payah takut laki kepada penderhaka2.

Orang2 Iban itu sungguh terhutang budi kepada pihak Kerajaan dan anggota2 pasokan Royal Marine Commando yang telah memberi segala pertolongan kepada mereka.

BANJIR: P.G.G.M.B. Hadiah Wang Dan Pakaian Berjumlah Hampir2 \$6,000

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah memberi bantuan berupa wang dan pakaian yang berharganya hampir2 \$6,000 untuk mangsa2 banjir sa-bagai menjawab seruan daripada Jawatan Kuasa Sukarela Kutipan Derma Banjir Negeri Brunei.

Jawatan Kuasa itu, di-penguruskan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru

kapada penduduk2 di-Negeri Brunei untuk memberi bantuan bagi meringankan tanggungan yang di-bebankan oleh mangsa2 banjir.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Inche Shahbuddin bin Mohamed Saleh kepada Penyimpan Wang Jawatan Kuasa tersebut Inche R. D. Ross di-pejabat-nya baharu2 ini.

Pegawai Daerah Belait Meminta Saudagar2 China Jangan Menaikkan Harga Barang2

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah meminta kepada saudagar2 China dalam Daerah Belait supaya nienetapkan harga barang2 dan menjual barang2 itu dengan harga2 yang berpatutan.

Beliau juga telah meminta kepada saudagar2 itu supaya menaruh harga barang2 di-semua barang yang di-jual.

Pengiran Momin telah memberi tahu hal yang sademikian dalam satu pertemuan di-pejabat-nya baharu2 ini bahawa orang ramai telah bersungut mengenai kenaikan harga barang2 makanan dan lain-

Beliau juga berkata bahawa berita2 angin yang menyatakan barang2 mustahak sangat kurang ada-lah tidak benar.

Beras serta lain2 barang yang di-simpan ada-lah menchukopi dalam negeri ini, kata-nya lagi.

Kerajaan Brunei Bantu Mangsa2 Banjir Di-Sarawak

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menghadihkan sa-banyak 6,000 pound beras kepada penduduk2 di-kawasan2 Marudi dan Trusan di-Negeri Sarawak di-mana barang2 makanan sangat-lah di-kehendakki oleh penduduk2 di-kawasan itu, sa-bagai memenuhi permintaan segera daripada Kerajaan Sarawak.

Beras itu telah di-bawa dari Brunei ka-Marudi dan ka-Trusan oleh kapal terbang pengangkutan Angkatan Udara Di-Raja Inggeris dalam masa yang singkat pada 18 January.

Kerajaan Brunei telah menyatakan bahawa ia akan memberi segala pertolongan dengan seberapa boleh untuk menolong mangsa2 banjir sakira-nya di-kehendakki oleh Kerajaan Sarawak.

Bantu-lah Mangsa2 Banjir

Orang ramai yang berhajat membantu mangsa2 banjir, dipersilakan menghantar hadiah2 mereka berupa wang atau kain baju.

Hadiah2 itu boleh-lah di-kirimkan kepada mangsa2 banjir itu melalui:

Borneo Company Limited atau Radio Brunei, Bandar Brunei; Pengiran Mohamed di-Radio Brunei Kuala Belait; Pejabat Daerah Tutong atau pun Melalui Pejabat Daerah Temburong.

Bantuan para dermawan adalah sangat2 di-hargai.

Berlateh Di-New Zealand

BERAKAS. — Dua orang Pegawai Jabatan Ukur Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-New Zealand pada 17 January, 1963 untuk menghadiri kursus Pembantu Juru Ukur.

Mereka ia-lah Inche Taib bin Mohamed Sa'id dan Inche Rahman bin Kahar.

Inche Taib dan Inche Rahman akan bertugas dengan Jabatan Tanah dan Ukur di-New Zealand sa-lama 3 tahun.

YANG AMAT BERHORMAT DATO SETIA MARSAL

Merasmikan Pembukaan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah sa-orang Ra'ia dan Yang Dipertuan kita, sa-bagaimana yang di-ketahui oleh seluroh ra'ayat amat-lah menaruh kaseh sayang dan chinta kapada ugama Islam dan kapada kema'amoran dan kesejahteraan ra'ayat2 Baginda sama ada yang Islam atau pun yang bukan Islam. Demikian kata Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, ketika beliau merasmikan pembukaan Majlis Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei di-pekarangan Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 30 January yang lalu.

Peraduan Akhir Bachaan Al-Koran tersebut telah di-adakan pada malam 30 January dan juga pada malam 31 January di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan ra'ayat jelata di-negeri ini.

Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal di-jemput merasmikan pembukaan majlis tersebut, satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin bin Al-merhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin sa-laku Pengerusi, Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei.

Sa-lepan Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal merasmikan pembukaan majlis itu, Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud yang juga menjadi Panasehat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah di-jemput memberi ucapan.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal berkata dalam ucapan beliau bahawa terlebih dahulu beliau sukachita mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei kerana telah menunujkan kapada dunia bahawa walau pun Negeri Brunei baharu2 ini di-ganggu sa-kejap oleh penderhakaan, tetapi banyak ra'ayat tidak mengindahkan chita2 dan kerja sesat yang di-anjorkan oleh puak2 yang tidak ta'at setia itu, bahkan mereka terus memberi kerjasama dan menumpukan perhatian kapada kerja kebajikan ugama dan ra'ayat hingga peraduan memilh johan2 bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei telah dapat di-adakan dengan sempurna.

BERSHUKOR KAPADA ALLAH

"Saya bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan baktat dautat Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, seruan2 Baginda dan nasehat2 Kerajaan Baginda kapada ra'ayat telah di-terima oleh ra'ayat yang maseh ragu2 dan sekarang shukor-lah mereka sadar dan memberi sokongan me-

reka kapada Baginda dan Kerajaan Baginda", kata Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal.

Selanjut-nya Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal berkata, "Dengan kesedaran itu ra'ayat beramai2 telah menyambut seruan kebajikan dan mereka mulai merasa bahawa nanya dengan bersatu padu di-bawah arahan dan pimpinan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, itu-lah jalan yang saba k-nya bagi menyelamatkan ra'ayat dan negara dan menchapai tujuan dan chita2 kita kapada sa-buah Negara Brunei yang ma'amor dan merdeka.

Saya bershukor kapada Allah yang telah melimpahkan rahmat dan nikmat dan melepaskan bala bchana yang telah di-chubanya ka-atas kita ra'ayat sekalian, hingga dengan rahmat-nya itu dapat-lah kita menyambut Bulan Puasa tahun ini dengan mengadakan juga Majlis Peraduan Membacha Al-Koran Sa-Negeri, ia-itu kali yang ketiga-nya.

BAGINDA CHINTA KAPADA UGAMA ISLAM

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah Raja dan Yang Dipertuan kita sa-bagaimana yang di-ketahui oleh seluroh ra'ayat, amat-lah menaruh kaseh sayang dan chinta kapada ugama Islam dan kapada kema'amoran dan kesejahteraan ra'ayat2 Baginda sama ada yang Islam atau pun bukan Islam.

Pada zaman Baginda juga Negeri Brunei telah menjadi ma'amor, kaya dan maju. Baginda telah memerintahkan supaya kema'amoran, kekayaan dan kemajuan yang di-kurnakan Allah kapada negeri ini di-beri pula kapada seluroh ra'ayat Baginda tidak kira di-mana mereka berada.

Baginda memerintahkan di-beri ra'ayat bantuan wang, rumah, membina jalan2 raya masuk ka-kampung2 yang jauh, hospital2, klinik2 bagi ra'ayat di-kampung2, bekalan aver dan listrik, mendirikan beratus2 sekolah2; mesjid2 dan segala macham bantuan yang berupa hadiah2 pelajaran, kesehatan dan kemasharakatan telah di-beri perchuma kapada ra'ayat. Ratus2 juta wang negeri telah di-be'anjakan dalam memaju dan mema'amorkan taraf hidup ra'ayat dan membangunkan negara.

KEMA'AMORAN BRUNEI

...Kema'amoran Brunei dengan kemurahan Allah dan baktat pimpinan Baginda yang bijaksana dan 'adil telah menjadikan Negeri Brunei ini tidak kalah dalam kemajuan-nya dengan negara2 lain di-Asia ini.

Sungguh pun suasana darurat maseh ada di-dalam negeri kita, tetapi seluroh ra'ayat sadar dan dengan tidak menghiraukan segala kesusahan telah beramai2 menyokong peraduan membacha Al-Koran dari perengkat daerah2 hingga ka-perengkat negeri saperti malam ini.

Ini boleh menjadi bukti bahawa ra'ayat kita terutama orang2 Islam telah menunujkan chinta mereka kapada Al-koran dan chinta menyokong kerja2 kebajikan. Dengan keadaan saperti yang di-tunjokkan ini, kita sekalian boleh-lah berharap bahawa keamanan dan kesejahteraan negara kita yang di-kasehi ini akan segera puleh saperti sedia-kala.

Kerjasama dari segala lapisan ra'ayat dalam menjayakan peraduan membacha Al-Koran ini akan memberi nikmat kapada ra'ayat yang ta'at setia dan akan menjadi satu peringatan baik kapada orang2 sesat yang maseh berdegil dengan chita2 kekerasan bahawa mereka tidak mendapat sokongan ra'ayat."

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal mengakhiri ucapan beliau dengan berkata,



Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un.

"Saya berdo'a sa-moga dengan ada-nya ra'ayat sekalian berpegang kapada panduan ugama dan menghormat Al-Koran. Insha' Allah, kita akan berjaya mengatasi apa2 jua rintangan yang di-adakan oleh orang2 yang berniat jahat, dalam menyampaikan kapada chita2 murni kita, ia-itu keamanan, kesejahteraan kema'amoran dan bakti ra'ayat dan Negara Brunei."

Kemudian Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal pun mengishtiharkan pembukaan rasmi majlis peraduan bacha' Al-Koran itu dengan berkata, "Dengan nama Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani, saya rasmikan pembukaan peraduan membacha Al-Koran Al-Karim Sa-Negeri pada malam ini."

Inche Zainuddin Marsal Di-Pileh Menjadi Pegawai Kadet Askar Melayu Brunei

BERAKAS. — Inche Zainuddin bin Dato Setia Marsal telah di-pileh daripada beberapa orang pemuda tempatan baharu2 ini untuk berkhidmat sa-bagai Pegawai Kadet Askar Melayu Brunei.

Ia telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 29 January dan akan menjalankan latihan di-Maktab Tentera Persekutuan Tanah Melayu di-Sungai Besi.

HADIAH2 BAGI RAHSIA DAN SENJATA2 API

1. Kerajaan Negeri Brunei telah menawarkan hadiah2 bagi rahsia2 seperti berikut:—

- (a) Rahsia2 yang membolehkan di-tangkap atau di-tawan sa-orang ketua atau ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara oleh Pasokan Keselamatan atau Pulis.
- (b) Rahsia2 bagi mendapatkan senjata2 api, peluru2 senapang atau ubat2 letupan.

Hadiah2 ini hanya di-khaskan kepada orang2 awam sahaja. Ahli2 Pasokan Keselamatan atau pun pegawai2 Kerajaan yang bergaji bulan tidak boleh mendapat-nya.

TINGKATAN HADIAH RAHSIA UNTUK MENANGKAP ATAU MENAWAN PENDERHAKA

2. Banyak-nya hadiah2 untuk rahsia yang membolehkan di-tangkap atau di-tawan sa-orang Ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara ia-lah:—

- (a) \$5,000.00 bagi sa-orang ketua penderhaka.
- (b) Sahingga \$1,000.00 bagi sa-orang yang lain yang telah menderhaka dan sedang bebas.

TINGKATAN HADIAH RAHSIA BAGI MENDAPATKAN SENJATA2 API ATAU PELURU

3. Banyak-nya hadiah2 bagi rahsia untuk mendapatkan senjata api, peluru2 atau ubat2 letupan ia-lah:—

- (a) Machine Gun, Bren Gun, Carbine, Gun dan lain2 \$1,000.00
- (b) Senapang Rifle dan jenis2 pistol \$ 500.00
- (c) Bom Tangan bagi tiap2 sa-biji \$ 500.00
- (d) Senapang Patah \$150.00 hingga \$ 300.00 mengikut keadaan-nya
- (e) Tiap2 sa-biji Bom atau pun letupan2 \$ 100.00
- (f) Tiap2 sa-biji peluru 50 Sen

HADIAH2 TAMBAHAN

4. Hadiah2 akan di-tambah sa-kira-nya sa-orang awam bersusah payah bertugas bersama2 membantu atau memandu Pasokan Keselamatan atau Pulis bila mereka itu menyelidik atau mengikut rahsia2 yang telah di-beri sahingga berjaya.

KESELAMATAN ORANG2 YANG TELAH MEMBERI RAHSIA

5. Orang2 yang memberikan rahsia akan di-lindungi untuk keselamatan-nya. Oleh itu rahsia2 yang di-sampaikan oleh orang2 awam hendak-lah:—

- (a) Di-masokkan dalam sarong surat dan di-alamatkan kepada Peti Surat No. 5,000, dan
- (b) Di-masokkan ka-dalam Peti Surat seperti berikut:—
Brunei; Seria; Belait; Temburong dan Tutong.

Semua-nya surat2 yang beralamat kepada Peti Surat No. 5,000 akan di-simpan di-dalam Peti Surat yang berkunci dan di-bawa daripada Pejabat Pos terus kepada Pesuruh Jaya Pulis di-Bandar Brunei.

Pesuruh Jaya Pulis sendiri yang akan membuka semua surat2 itu, dia sendiri akan mengambil tindakan atas rahsia2 itu dengan tidak memberitahu nama orang2 yang menyampaikan-nya. Hadiah2 akan di-berikan dengan chara rahsia.

D.Y.M.M. MELAWAT MALAYA

(Dari Muka 1)

tiada menaruhkan rahmat-nya kepada kita dan sa-moga dengan demikian kita akan dapat terus menunaikan perentian Allah dan mengikut ajaran2 agama yang kita anut masing2.

Dalam keadaan kita di-Brunei ini, kita harus bertenang dan bersabar dan terus bekerja untuk menjayakan cita2 mula kita, cita2 ra'ayat Negeri Brunei yang berdasarkan cita-takan keamanan dan kema'moran untuk faedah kemajuan dan pembangunan Negeri Brunei kita ini.

Dengan ini juga beta berharap kepada ra'ayat beta sekalian supaya waspada dan sentiasa mengikut akan kewajipan dari masing2 terhadap bangsa dan negara kita sekalian di-Brunei ini.

Mudah2an dengan ada-nya kesedaran ra'ayat beta yang di-kasehi dalam menunaikan kewajipan dari masing2 akan terlaksana-lah cita2 mula kita dan sa-moga negeri kita Brunei Darus Salam ini akan sabenar-nya tenang dan kekal terus mengamalkan maksud nama Negeri Brunei yang aman dan ma'amor

Ra'ayat beta yang di-kasehi,

dengan ini juga beta menyampaikan kepada ra'ayat beta bahawa beta mulai daripada hari ini akan berangkat ke-Pe sekutuan Tanah Melayu bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri ke-ana berchuti dan berehat di-Kuala Lumpur untuk membolehkan beta berjumpa dengan Duli Yang Maha Muda Mahkota serta adek-nya di-Kuala Lumpur.

Mudah2an dengan izin Allah beta berharap sa-peninggalan beta, ra'ayat beta yang di-kasehi akan terus menumpukan tenaga dan fikiran ra'ayat beta untuk menjaga dan mengekalkan nama baik serta keselamatan Negeri Brunei yang di-chintai ini."

Ketika menamatkan titah, Duli Yang Maha Mulia berkata: "Dengan ini beta mengucapkan selamat tinggal buat sementara waktu dan Insha Allah kita akan dapat berjumpa dalam tidak berapa lama lagi dan moga2 kita sekalian akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah."

Majlis tersebut di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Mufti Negeri Brunei Sahbul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Pengumuman Untuk Penangkap2 Ikan

Pegawai Laut Negara Brunei, di-pindahkan dengan serta mer- kapitan E. H. Mutton mengu- momkan bahawa banyak tiang2 tugu telah di-pasangkan di-terusan Sungai Brunei, ia-itu dari Pulau Sibungor ka-Pulau Chermin dengan tidak mendapat kebenaran dari pihak yang berkuasa. Tiang2 tugu itu ada-lah mengganggu pelayaran kapal2 yang lalu lintas.

Tiang2 tugu tersebut mesti-lah di-pindahkan dengan serta mer- kapitan oleh orang2 yang memasangnya, kalau tidak Pegawai Laut Negara Brunei akan memindah- kan-nya kerana gangguan ka- pada perjalanan kapal2 itu.

Sementara itu, permohonan2 bagi lisen menangkap ikan dan kebenaran memasang tiang2 tugu mesti-lah di-buat kepada Pegawai Perikanan, Jabatan Laut Brunei.



Inilah satu pemandangan di-Bandar Brunei pada masa perentah berkongsi di-longgarkan pada pertama kali dalam bulan Desember yang lalu.

KALAU-LAH MANUSIA LUPA KAPADA ALLAH

Akibat-nya ia-lah.....

BANDAR BRUNEI — “Apabila manusia lupa kepada Allah, mereka pun lupa kepada kebenaran dan kenyataan. Apabila manusia di-pengaruhi oleh tamak, tertutup-lah mata dan hati-nya kepada kejahatan yang ada di-sa-balek janji2 yang lemak manis itu.....”. Demikian bunyi satu siaran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang telah di-bachakan oleh sa-orang wakil jabatan itu melalui Radio Brunei baharu2 ini.

Siaran tersebut selanjut-nya berbunyi, “Saudara umat Islam dan seluroh ra'ayat Brunei di-mana juga mereka berada, mari-lah kita sekalian beramai2 menyembah Allah dan jangan menyembah atau mengikut manusia yang sesat.

Mari-lah kita sekalian mengucap Alhamdulillah, bershukur dan memuji Allah.

Mari-lah kita serahkan diri jiwa raga dan harta benda kita kepada pemeliharaan Allah.

Mari-lah kita hidup pada jalan kebenaran dan kehidupan yang di-ridai Allah dan kalau akan mati, biar-lah kerana jalan kebenaran dan keta'atan kepada Allah.

Mari-lah kita tunjukkan perintah Allah yang bermaksud: Kapada mu-lah ya Allah kami sembah dan tunduk dan kepada mu-lah juga kami meminta tulung panduan ka-jalan kebi-jakan.

Aihmdulilah, dengan kasehan belas pertolongan Allah, haru-hara dan 'azab sangsara yang telah Allah takdirkan ka-tas negeri kita bermula dengan peristiwa 8 Desember tahun 1962, telah dapat di-padamkan dengan segera sa-belum fitnah dan haru-hara ini bermaharajalela membunuh lebeh banyak jiwa hamba2 Allah dan membakar seluroh negara.

Kesengsaraan dan kesusahan akibat dari fitnah penderhakaan itu ia-lah satu penchubaaan kechil di-chubakan Allah ka-pada kita, kepada saudara dan ra'ayat Negeri Brunei kerana kesalahan umat atau ra'ayat yang telah salah asohan dan salah jalan.

Maka ada-kah kita maseh berharap kepada jalan yang salah itu atau maseh mahu lagi kembali ka-jalan yang salah, atau pun sudah insaf-kah kita dan mahu kembali ka-jalan yang benar, ia-itu ka-jalan keselamatan dan jalan Allah.

Wahai saudara2 umat Islam ra'ayat Negeri Brunei, takut-lah kepada Allah dan jauhi-lah chita2 derhaka kepada Allah. Ta'at-lah akan Allah. Ta'at-lah akan Rasul dan ta'at-lah akan Raja kamu, ia-itu pemerintah yang 'adil ehsan.

Firman Allah di-dalam Al-Koran: Wahai orang2 yang beriman dan wahai orang2

Islam, ta'at-lah akan Allah, ta'at-lah akan Rasul dan ta'at-lah kepada pemerintah kamu yang sah dan 'adil. Maka jika kamu ada keraguan atau ada berselisih faham kepada apa2 jua urusan, sama-ada perkara Ugama atau perkara di-dunia, maka hendak-lah kamu rojok, ia-itu kembali menchari pertun-jok Allah, ia-itu kepada Undang2 Allah termaktub di-dalam Al-Koran dan juga rugut kepada Rasul Allah, ia-itu hadith dan sunnah-nya. Ini jika kamu benar2 beriman kepada Allah dan hari kha-mat. Chara begitu-lah yang lurus dan baik dan jalan itu-lah yang sa-elok2-nya bagi kamu untuk menyampaikan kepada tujuan2 kamu.

Perintah Allah di-dalam ayat suchi ini chukup terang, chukup jelas dan mudah di-faham, tidak-lah payah di-hiraukan dengan penjelasan2 lagi.

Saudara2 ra'ayat dan umat Islam sekalian, kemana-kah sudah terpisong iman kita dan fahaman kita? Kemanakah kita sudah di-hasut oleh tipu daya shaitan radzim yang menjelma dalam diri manusia. Kemana kita simpan ajaran kitab2 Allah Al-Quraan? Kemanakah kita letakkan hukom2 shara' yang maha suchi?

Kita sudah terpisong kerana hasutan shaitan yang memberi

janji2 yang manis dan menarik hati.

Kita sudah tertipu oleh tamak-kan kebesaran dan kekayaan dunia dan nafsu yang sentiasa mengajak kita jatuh kepada kesasatan dan kejanasan.

Kita sudah lupakan hukom2 Allah, perintah2 Allah dan lupakan tujuan Ugama Allah yang memimpin manusia ka-pada keselamatan, keamanan dan kebahagiaan di-dunia dan ahirat.

* Apabila manusia lupa ka-pada Allah, mereka pun lupa kepada kebenaran dan kenya-taan.

* Apabila manusia di-pe-ngaruhi oleh tamak, tertutup-lah mata dan hati-nya kepada kejahatan yang ada di-sa-balek janji2 yang lemak manis itu.

* Apabila manusia lupakan jalan Ugama Allah ia-itu men-jalankan surohan Allah dan patuh kepada Allah dan Rasul dan perintah yang adil lagi pemurah, maka murka-lah Allah ka-atas mereka.

* Apabila Allah murka sa-suatunya bangsa atau suatu umat, akan binasa-lah umat itu dan hancor-lah keamanan dan ketenteraman negeri itu.

Suatu ayat dalam kitab suchi Al-Koran maksud-nya, hendak-lah kamu takutkan dan berjaga2 daripada terkena mala petaka untuk fitnah yang akan terkena bukan kepada orang2 yang dzalim dan derhaka itu sahaja, bahkan kamu semua yang tiada bersalah juga akan kena fitnah

itu, dan ketahui-lah bahawa Allah amat keras seksaan azab-nya.

Wahai saudara2 ra'ayat dan kaum Muslimin, mala-petaka, fitnah dan binchana yang di-turunkan Allah kerana penderhaka orang2 yang dzalim itu bukan-lah akan terkena kepada mereka sahaja. Kenyataan dari amaran Allah ini sudah pun kita ra'ayat dan penduduk2 negeri ini merasai-nya selama lebeh dari dua minggu masa ini.

Azab sengsara dalam negara ini telah di-turunkan Allah kerana banyak ra'ayat yang telah membelakangkan perintah Allah dan tidak menghiraukan petun-jok Allah hingga mereka berani menderhaka kepada Allah dan Rasul dan menderhaka kapad Raja yang adil dengan melaku-kan keganasan membunuh jiwa2 yang tiada berdosa, menghancorkan kehidupan ra'ayat dan memberi kesengsaraan kepada seluroh umat dan negara, kerana menyampaikan kepada tujuan2 mereka dengan sebab kejahatan ini maka terhak-lah azab Allah.

Oleh yang demikian wahai saudara2 umat Islam dan seluroh orang2 yang insaf, sedar-lah dan kembali-lah ka-jalan Allah ia-itu jalan kebenaran.

Jauhi-lah kebudoan yang sesat dan jauhi-lah daripada menyokong kerja2 yang jahat dan maksiat yang di-murkai Allah.

Dirikan-lah sembahyang lima kali sa-hari sa-malam, berd dan memohon ampun banyak kepada Allah tiap2 pagi dan petang dan memohon-lah kemurahan Allah supaya negara kita yang di-kasehi ini pulang puluh aman, tenteram seperti sedia kala supaya boleh-lah kita ra'ayat seluroh-nya dengan aman menchari nafkah hidup dan berbuat ibadat menyembah bukti kepada Allah.

Nasihatkan - lah pemuda2, anak2 keluarga kita supaya takut kepada Allah dan berani berkorban hanya kepada jalan Ugama Allah. Nasihatkan-lah mereka dan jiran tetangga di-Kampung2 kita supaya ta'at ka-pada Allah dan berbuat kebaji-kan dan kebaikan kepada manusia, bangsa dan Negara, semoga dengan insaf dan kembali kita kepada jalan Allah dan kerid-zaan Allah, maka yang amat belas kasehan dan pengaseh ka-pada hamba2-nya akan menu-lung kita dan Negara kita dari-pada kebinasaan di-sebabkan oleh perbuatan sa-kumpolan orang2 yang sesat dan dzalim itu.

Semoga Allah melapangkan dada umat Islam menerima petunjok2 Ugama yang maha suchi itu dan kembali ka-jalan yang benar.”



Ini-lah satu pemandangan di-Bandar Brunei pada masa dua orang anggota2 "Tentera Nasional Kalimantan Utara" menyerah diri kepada Polis Brunei pada pagi 8 Desember, 1962.

K E R J A 2

K O S O N G

Pegawai Latehan Pertadbiran

Permohonan2 adalah di-jemput dari chalon2 Melayu yang di-peranakkan di-Brunei serta menjadi ra'ayat Sultan sapa yang mempunyai "Overseas School Certificate" atau darjah yang serupa untuk di-lantek menjadi Pegawai Latehan Pertadbiran Brunei.

Chalon2 mesti-lah mencapai umur yang ke-delapan belas tahun dan tidak boleh lebeh dari 27 tahun.

Tingkatan gaji: Cadets—\$290-310-330. Time scale Grade II—\$300-330-340. Time scale Grade III—\$300-330-340-1360.

Pemohon2 yang di-pileh akan di-lantek sechara perhubungan selama tiga tahun. Sebelum di-tetapkan di-dalam jawatan me-

reka, chalon2 adalah di-kehendaki lulus peperiksaan2 yang tertentu dalam Undang2 dan "General Orders"

Permohonan2 daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat mesti-lah di-kirim melalui Ketua Pejabat masing2. Sampol surat yang berisi permohonan mesti-lah bertanda "Permohonan bagi B. A. S." di-atas sebelah kiri sampol. Salinan2 Sijil dan Surat Akuan sahaja yang mesti di-sertakan.

Permohonan2 yang mesti di-si di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 11 February, 1963.

K e r a n i

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan bagi jawatan2 sebagai Kerani Grade "B" dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

Kelayakan: Chalon2 bagi di-lantek mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak sampai 25 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji \$211-220x10-260-280-290 / EXAMINATION BAR/310x20-370-380/BAR/400x20-560.

Chalon2 yang di-pileh akan di-tetapkan menurut kelulusan persekolahan mereka.

Terdahulu dari tamat-nya tempoh perhubungan mereka akan di-kehendaki mengambil peperiksaan ia-itu peperiksaan yang di-adakan bagi Kerani Perhubungan.

Permohonan2 yang mesti di-si di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 February, 1963.

Pemandu Kereta

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan Drebar Tingkatan II di-dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan Brunei.

Chalon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 50 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah boleh membawa kereta2 ambulance, land-rover, truck dan van.

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas siang atau

malam di-dalam mana2 daerah di-Negeri Brunei.

Sukatan gaji ia-lah: F. 5-6 \$180x-200 sa-bulan.

Chalon2 yang di-pileh akan berkhidmat dalam perhubungan selama 3 tahun. Semasa dalam perhubungan, sa-kira-nya perkhidmatan-nya di-dapati memuaskan dan di-sokong oleh Ketua Jabatan, lantekan-nya akan di-tetapkan. Kalau tidak, ia-nya akan di-berhentikan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 11 February, 1963.

Jururawat2 Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau sapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan bagi jawatan sebagai Jururawat2 Perchubaaan di-Pejabat Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi belum lagi meningkat ka-umur 25 tahun, dan mesti sehat tuboh badan-nya.

Pemohon2 yang lulus sekurang-nya Form III dalam Sekolah Inggeris atau darjah2 yang bersamaan akan di-pertimbangkan.

Tingkatan gaji ada-lah saperti di-bawah ini: Jururawat Perchubaaan — \$183-x7-211-22x10-240. Gaji permulaan akan bergantung di-atas kelulusan sekolah.

Jururawat Terlateh — \$310-370-380.

Pemohon2 yang di-pileh akan di-lantek sechara perhubungan selama tiga tahun dan mesti memperoleh Sijil sebagai sa-

orang Jururawat Terlateh sebelum tamat tempoh perchubaaan itu.

Kursus latehan akan di-atorkan oleh Sekolah Kejuruwatan di-Rumah Sakit Umum Brunei.

Jururawat2 Perchubaaan yang memperoleh Sijil Jururawat Terlateh, sa-telah tamat tempoh perchubaaan dan di-sokong oleh Ketua Pejabat, akan di-tetapkan dalam jawatan2 mereka.

Pakaian akan di-beri dengan perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan.

Permohonan2 yang mesti di-si di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 15 February, 1963.

Chalon2 yang dahulu-nya telah menghantar permohonan2 bagi jawatan Jururawat Perchubaaan tidak payah menghantar permohonan2 baru oleh kerana permohonan2 mereka yang lama itu akan di-pertimbangkan.

Merinyu Kesehatan

Permohonan2 adalah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun, dari ra'ayat2 Sultan Brunei dan mesti-lah tegap tuboh badan-nya. Mereka mesti-lah lulus Peperiksaan "Overseas School Certificate" dengan mendapat kepujan (credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Sain atau pun "General Science". Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang dapat menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji: Dalam tingkatan rendah D (b) 3-4 \$240-250-260-280.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek sechara perchubaaan selama tiga tahun dan mesti memperoleh Sijil "Royal Society" bagi memajukan Kesehatan sebelum tammat tempoh perchubaaan itu.

Satu kursus pelajaran akan di-atorkan bagi pelateh2 sama ada di-Singapura atau pun di-Malaya untuk membolehkan mereka mendapat sijil tersebut. Bayaraan2 sekolah dan peperiksaan akan di-bayar oleh Kerajaan.

Pelateh2 yang mengambil kursus latehan ini akan di-beri tempat kediaman perchuma atau pun alaan rumah bersama dengan alaan2 sara hidup dan perjalanan mengikut kadar yang di-benarkan oleh Kerajaan dari semasa ka-semasa.

Pelateh2 yang gagal memperoleh Sijil "Royal Society" bagi Memajukan Kesehatan buat kali yang pertama mungkin di-benarkan mengambil kursus itu buat kali yang kedua. Kelebehan ini akan di-benarkan untuk selama satu kali atau lebeh mengikut sokongan daripada Ketua Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mana mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 February, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Persidangan Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan perwakilan dari Negeri Brunei telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 3 February yang lalu untuk mengambil bahagian dalam perundingan antara Kerajaan mengenai masa'alah penubuhan Persekutuan Melayu Raya.

Rombongan tersebut ada-lah mengandungi Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (Ketua Rombongan); Peguam Negara Brunei, Inche Idris Talog Davis; Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohamed; Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dan Dato Paduka Neil Lawson sa-bagai Penasehat Undang2.

Para perwakilan tersebut telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam perundingan tersebut ia-lah sa-bagai menepati maksud Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bahawa Baginda telah bersetujui ia itu satu rombongan perwakilan dari Negeri Brunei hendak-lah mengambil bahagian dalam perundingan antara Kerajaan mengenai kemasokan Negeri Brunei ka-dalam Persekutuan Melayu Raya dan perkara itu telah pun di-sampaikan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Persekutuan Tanah Melayu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang pada masa ini sedang berehat di-Kuala Lumpur, telah pun mengumumkan tidak berapa lama dahulu bahawa satu rombongan perwakilan dari Negeri Brunei kelak berangkat ka-Kuala Lumpur untuk menyambungkan perundingan2 yang telah tergendala di-sebabkan berlaku penderhaan di-Negeri Brunei dalam bulan Desember yang lalu, dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

DERMA BANJIR:

D.Y.M.M. HADIAH
\$ 1,000

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membantu tabong derma mangsa2 banjir dengan menghadihkan wang sa-banyak \$1,000.

Hadiah tersebut telah di-sampaikan kepada Jawatan Kuasa Membantu Mangsa2 Banjir Negeri Brunei bgharu2 ini.

Keputusan Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Awang Besar bin Yahya dan Inche Abdullah bin Metassan, kedua2-nya khari dari Daerah Brunei Muara telah di-pilih mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Membacha Al-Koran Antara Bangsa yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur mulai daripada 10 February hingga ka-14 February.

Awang Besar telah menjadi johan bachaan Al-Koran bahagian lelaki dewasa, manakala Abdullah pula telah menjadi na.b johan dalam peraduan itu.

Peraduan bachaan Al-Koran untuk merebutkan gelaran2 Kejohanan Negeri Brunei telah di-langsungkan di-pekerangan Masjid Omar Ali Sa'fuddin sa-lama dua malam berturut2 pada penghujung bulan January yang lalu dan di-saksikan oleh ramai umat Islam.

Ini-lah tahun yang ketiga Negeri Brunei akan mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa di-Persekutuan Tanah Melayu.

Khari2 yang akan mewakili Negeri Brunei dalam peraduan tersebut di-jadualkan berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang juga pada 8 February.

Keputusan penoh peraduan bachaan Al-Koran untuk merebutkan gelaran2 Kejohanan bagi seluruh Negeri Brunei ada-lah di-siarkan di-bawah ini.

Bahagian lelaki dewasa: 1. Awang Besar bin Yahya (Daerah Brunei/Muara) 2. Inche Abdullah bin Metassan (Daerah Brunei/ Muara) 3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Metassan (Daerah Tutong).

Bahagian perempuan dewasa: 1. Puan Noraini binti Haji Adnan dari Daerah Brunei/ Muara. Ini-lah tahun yang kedua berturut2 Puan Noraini memenangi gelaran yang terma'lom. 2. Dayang Aminah binti Siling dari Daerah Tutong dan 3. Dayang Rubiah binti Haji Mohamed Jawi juga dari Daerah Tutong.

Bahagian kanak2 lelaki: 1. Wasli bin Haji Bakar. 2. Mohamed Taib bin Yahya 3. Wahab bin Junid—Semua-nya dari Daerah Brunei/Muara.

Bahagian kanak2 perempuan: 1. Norlah binti Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong). 2. Mastura binti Awang Salleh (Daerah Brunei/Muara). 3. Asiah binti Siraj (Daerah Brunei/Muara).

Sa-telah selesai peraduan tersebut maka Pengerusi peraduan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin telah mengucapkan tahniah kepada khari2 dan khariah2 yang telah berjaya dalam peraduan itu dan berharap bahawa khari2 dan khariah2 yang telah tidak berjaya jangan-lah putus asa dan menchuba-lah lagi pada tahun2 yang akan datang.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaluddin juga berharap sa-moga khari2 yang telah di-pilih mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur sedikit hari lagi akan memperolehi kejayaan kelak.

Seri Paduka Pemangku Raja, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada khari2 dan khariah2 yang telah mendapat gelaran2 nombor 1, nombor 2 dan nombor 3 serta juga kanak2 semua orang dewasa dan kanak2 yang lain yang telah berjaya mewakili daerah masing2 dalam peraduan tersebut.

MANGSA2 BANJIR BERKEHENDAKKAN BANTUAN ★ BANTU-LAH MEREKA WAHAI DERMAWAN



Jawatan Kuasa Kerja Darurat Negeri Brunei bergambar dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un yang menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa itu sa-belum di-adakan persidangan-nya baharu2 ini. Dari kiri—Inche W.L. Glass, Inche Meadows, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal, Inche Peter Munap (Juru Bahasa), Inche George Newn Ah Foott, Inche Othman bin Bidin dan Pengiran Abu Bakar.